

COVID19: Malaysia catat 5 lagi kematian, 208 kes baharu

Astro Awani

02 April 2020

Harits Asyraf Hasnan,

KUALA LUMPUR: Malaysia merekodkan lima lagi kematian akibat wabak COVID-19 dalam tempoh 24 jam lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata dalam tempoh sama juga terdapat 208 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 3,116 kes.

Bagaimanapun katanya, terdapat 122 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada sekaligus menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak 767 kes bersamaan 24.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sehingga kini, seramai 105 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, 54 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 50 kes bersamaan 1.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Berikut merupakan perincian kes kematian dalam tempoh 24 jam yang lalu:

- Kes kematian ke-46 (kes ke-2909) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 37 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kronik dan rendah imuniti. Beliau telah dirawat di Hospital Sultanah Aminah, Johor pada 28 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac 2020 jam 11.10 malam.

- Kes kematian ke-47 (kes ke-2910) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 78 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan gout. Beliau telah dirawat di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor pada 17 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 29 Mac 2020 jam 7.10 malam.

- Kes kematian ke-48 (kes ke-2572) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung. Beliau telah dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 29 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 2 April 2020 jam 8.01 pagi.

- Kes kematian ke-49 (kes ke-1273) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 61 tahun. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (kes ke2107). Beliau telah dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 1 April 2020 jam 8.36 malam.

- Kes kematian ke-50 (kes ke-1767) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 69 tahun. Beliau telah dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan pada 22 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 2 April 2020 jam 2.20 petang.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-malaysia-catat-5-lagi-kematian-208-kes-baharu-236451>